



PEJABAT MENTERI
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA MINGGUAN
YB PUAN HAJAH ZURAIDA KAMARUDDIN
MENTERI PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN
3 JULAI 2018

Terdapat DUA (2) fokus KPKT yang akan diketengahkan dalam sidang media kali ini iaitu; (1) **Ahli Majlis Kerajaan Tempatan: 30% Untuk Wanita** (2) **Belia Perlu Lebih Aktif Di Dalam Pembangunan Komuniti.**

Ahli Majlis Kerajaan Tempatan: 30% Untuk Wanita,

- a.** Sasaran 30% ahli majlis kerajaan tempatan wanita sebenarnya merupakan satu agenda berterusan Kerajaan Pakatan Harapan untuk memastikan pembangunan golongan wanita di dalam komuniti dapat dilaksanakan secara menyeluruh.
- b.** Aspirasi ini bukan sahaja diambil dari inisiatif Kerajaan Negeri Selangor tetapi juga daripada agenda pemberdayaan wanita antarabangsa.
- c.** Lantikan 30% wanita sebagai ahli majlis ini juga adalah untuk membantu kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan lebih fokus kepada pembangunan masyarakat yang lebih menyeluruh.
- d.** Dengan keterlibatan wanita yang lebih tinggi dalam kerajaan tempatan, kita yakin Malaysia akan dapat mencapai tanda aras sasaran pembangunan mampan “*sustainable development goals*” (SDG) dalam memastikan tiada masyarakat yang keciciran dalam pembangunan komuniti.
- e.** Ahli Majlis berperanan dalam mempengaruhi keputusan pihak berkuasa



PEJABAT MENTERI

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

tempatan dan kerajaan negeri dalam isu berkenaan perumahan, keselamatan, pengangkutan dan ekonomi setempat. Ini akan memberi kesan kepada kehidupan masyarakat secara umum.

- f. Dengan penyertaan yang lebih seimbang, kerajaan tempatan akan dapat membuat keputusan yang praktikal bagi menangani isu dan melaksanakan agenda di dalam kerajaan tempatan.
- g. Masalah kekurangan penyertaan wanita di dalam posisi ini bukan sahaja berlaku di Malaysia, tetapi juga di banyak negara di seluruh dunia. Jika kita mahukan Malaysia bergerak maju ke hadapan, salah satu pendekatan holistik adalah dengan meramaikan lagi wanita di dalam lantikan ahli majlis tempatan.
- h. Kita juga mahukan apabila pilihan raya kerajaan tempatan akan dilangsungkan nanti, wanita juga amat digalakkan untuk menjadi calon. Namun begitusehingga kini, pilihan raya kerajaan tempatan masih lagi dalam peringkat cadangan.
- i. Jumlah 30% pelantikan ahli majlis ini akan membantu wanita di seluruh negara yang menjadi hampir separuh daripada populasi rakyat Malaysia.
- j. Selaras dengan inisiatif untuk melaksanakan **Dasar Komuniti Negara & Bandar Mesra Wanita** yang didukung oleh KPKT. Meramaikan lagi wanita di dalam lantikan ahli majlis akan mempercepatkan proses pemberdayaan komuniti yang lebih holistik.
- k. Namun begitu, pelantikan ahli majlis wanita ini juga perlu diambil dari kalangan yang berkelayakan terutamanya dari segi pengalaman, terutamanya dalam pembangunan komuniti.



PEJABAT MENTERI
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
Belia Perlu Lebih Aktif Dalam Pembangunan Komuniti.

- a. KPKT melihat pembangunan komuniti dari kalangan belia (16-35 tahun) juga akan terbantut, sekiranya golongan ini tidak memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk memajukan komuniti mereka.
- b. Kita mahukan juga pergerakan belia di komuniti setempat bagi melaksanakan program-program berkaitan komuniti.
- c. Saya melihat program khas belia di komuniti yang telah dilaksanakan oleh Negeri Selangor perlu diadaptasi di peringkat nasional.
- d. Program yang dikenali sebagai Penggerak Belia Tempatan (PeBT) itu telah membuka ruang istimewa dan khusus bagi mengembangkan bakat kepimpinan para belia di dalam komuniti mereka sendiri.
- e. Kita perlu wujudkan di peringkat nasional, yang mana kita juga perlu mengkaji cara terbaik untuk melaksanakannya.
- f. Saya melihat dengan wujudkan program-program seperti ini, anak muda akan lebih peka dengan sebarang isu yang berlaku di dalam komuniti setempat. Ia juga akan membantu dalam mengurangkan keterlibatan golongan remaja dan belia dalam aktiviti yang tidak sihat dan juga jenayah.

YB PUAN HAJAH ZURAIKAMARUDDIN

MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN, PUTRAJAYA.